

22 APR 1999

Mahathir-Anwar

PM NAFI JANJI ANWAR TAK DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak pernah memberitahu Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa jika timbalannya itu berundur, tindakan undang-undang tidak akan diambil terhadapnya.

"Saya tidak pernah berkata bahawa kalau dia undur, maka tidak akan ada charge (tuduhan). Ini bohong semata-mata," kata Perdana Menteri ketika mengulas sama ada Anwar akan menghadapi dakwaan lain selepas dijatuhkan hukuman penjara enam tahun minggu lepas terhadap empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kuasanya.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Anwar bahawa lebih baik dia berundur secara biasa kerana terdapat juga menteri dan menteri besar yang diberhentikan dan dihadapkan ke mahkamah sebelum ini.

"Sebaliknya, bila saya kata kepada dia suruh undur, dia kata dia tidak akan undur tetapi dia akan lawan balik," katanya kepada pemberita selepas membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat.

Anwar dipecat daripada kerajaan pada 2 Sept tahun lepas dan daripada Umno sehari kemudian.

Dr Mahathir berkata terpulang kepada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah sama ada untuk mendakwa Anwar dengan tuduhan lain kerana beliau sendiri tidak mempunyai hak untuk bersuara mengenai soal itu.

"Itu bukan hak saya menentukan," katanya.

Perdana Menteri berkata Anwar menyebut dalam rayuannya minggu lepas bahawa beliau (Dr Mahathir) menyatakan jika dia berundur, tuduhan tidak akan dikenakan.

"Inilah masalah dengan Datuk Seri Anwar. Dia fikir dia boleh campur tangan dalam proses undang-undang, itulah sebabnya dia campur tangan dalam kes surat itu...dan dia jangka saya juga akan campur tangan," katanya.

Perdana Menteri berkata dakwaan terhadap Anwar timbul disebabkan laporan polis yang dibuat oleh bekas timbalannya itu sendiri.

"Dan bila polis mendapati ada sesuatu, mereka terpaksa mengambil tindakan mahkamah. Saya tidak ada kuasa untuk menghentikannya...saya tidak pernah janji kalau dia pergi (berundur), saya tidak akan charge dia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata proses undang-undang mesti dilaksanakan tanpa mengira kedudukan seseorang walaupun ia melibatkan seorang menteri dalam kabinet.

"Kita semua bercakap berkenaan dengan semua orang sama di sisi undang-undang tetapi bila kena kepada diri sendiri atau kawan, kita berpendapat bahawa undang-undang tidak baik.

"Kalau kena kepada menteri kabinet, saya tidak pernah kata...oh, ini menteri kabinet, tak bolehlah charge dia," katanya.

Dr Mahathir memberikan contoh kes bekas anggota exco kerajaan negeri Melaka Datuk Sahar Arpan yang telah didapati bersalah kerana rasuah.

"Kalau ikut Datuk Seri Anwar, saya boleh hentikan...jangan charge, ini orang saya, orang Umno. Tetapi, kita tidak kacau kerana itu urusan Peguam Negara dan polis. Mereka jalankan kerja.

"Kalau saya pergi kacau, saya fikir undang-undang di Malaysia ini akan terbahagi kepada penyokong parti dan pembangkang. Orang pembangkang kita tangkap, orang penyokong kita tidak tangkap. Ini tidak kena," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
MAM MAI